

# Pendidik perlu mahir perisian komputer: Dr M

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

TANJUNG MALIM: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pendidik perlu dibekalkan kemahiran menyediakan perisian komputer bagi tujuan pendidikan sejajar perkembangan penguasaan ilmu dan kecekapan zaman ini.

Beliau berkata, ketika penggunaan sistem binan atau digital yang pesat mengubah corak pendidikan melalui penggunaan perisian komputer, institusi yang melatih pendidik perlu menyediakan mata pelajaran asas bagi penulisan perisian komputer kepada mereka.

Katanya, perisian boleh dipertingkatkan keberkesanannya dengan mempermudah lagi cara penyampaian ilmu dan boleh dibuat sepanjang masa.

"Justeru, sistem pendidikan perlu dikaji dan disesuaikan

dengan alatan komunikasi - canggih.

"Didikah dalam bidang asas penulisan perisian untuk kegunaan pendidikan perlu dijadikan satu daripada mata pelajaran untuk pendidik," katanya berucap pada majlis menerima Ijazah Kehormat Doktor Kepemimpinan dan Pembangunan Pendidikan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada Sesi Khas Istiadat Konvokesyen kc-6 UPSI di Dewan SITC, semalam.

Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun selaku Canselor UPSI menyampaikan anugerah itu kepada Dr Mahathir. Tuanku Bainun turut menganugerahkan ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Keluarga kepada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sebelum itu, pidato umum mengenai sumbangan Dr Mahathir dalam bidang pendidikan negara dan ketokohnya pada peringkat antarabangsa

dibacakan Naib Canselor UPSI, Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim, manakala ketokohan dan sumbangan Dr Siti Hasmah dibacakan Pengarah Institut Peradaban Melayu, Prof Emeritus Datuk Dr Asmah Omar.

Dr Mahathir berkata, kemudahan komputer dan perisian yang semakin canggih menjadikan pendidikan dan penguasaan ilmu lebih mudah dan berkualiti.

Beliau berkata, melalui kemudahan itu maklumat dan ilmu dapat dibaca, disebut, dicetak dengan tepat dan jelas serta diulang hingga seseorang menguasainya.

Sambil mengingatkan perniagaan termaju di dunia adalah milik Bill Gates. Dr Mahathir berkata, pendidik yang cekap menulis perisian adalah pendidik yang diperlukan negara pada masa depan.

Bagaimanapun, katanya, cara mengajar dan mendidik



DR MAHATHIR dan Dr Siti Hasmah melihat ijazah masing-masing sambil diperhatikan Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Tan Sri Dr Murad Mohd Noor pada Majlis Konvokesyen ke-6 universiti itu, di Tanjung Malim, semalam. - Gambar oleh Ikhwan Munir

dalam bilik darjah masih perlu dipelajari pada waktu ini kerana daripada pengetahuan itulah ilmu untuk perisian komputer dapat dicipta.

Dr Mahathir juga berkata, secara umumnya semua rakyat mempunyai akses kepada pendidikan, malah kerajaan memperuntukkan 25 peratus dari-

pada bajet bagi tujuan pendidikan iaitu tindakan yang tidak dilakukan walaupun oleh negara maju atau membangun lain.